



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/11/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Penduduk desak atasi isu banjir kilat

**SHAH ALAM** - Penduduk berhampiran Jalan Ikhsan, Kampung Jalan kebun gusan apabila terpaksa berdepan masalah banjir kilat yang berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu.


Mereka mendakwa banjir turut menyebabkan jalan yang menjadi laluan ditenggelami air jika hujan lebat berterusan untuk tempoh satu hingga dua jam.

Penduduk, Wan Mahadi Wan Ahmad, 59, berkata, sistem saliran di kawasan tu perlu ditambah baik berikutan tidak lagi mampu menampung aliran air.

"Jika hujan lebat, air dari Kemuning Greenville turut disalurkan ke kawasan ini menyebabkan berlaku banjir sehingga menyukarkan pemandu.

"Selain sistem saliran, keadaan jalan berkenaan yang rendah juga turut menjadi penyumbang kepada berlakunya masalah banjir ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Seorang lagi penduduk, Ikhsan Asnawi Sabri berkata, beberapa aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi



**Jalan Ikhsan berhampiran Kampung Jalan Kebun akan dinaiki air sekiranya hujan lebat berterusan selama satu hingga dua jam.**

menangani masalah tersebut namun sehingga kini tiada penyelesaian.

Katanya, kejadian banjir terbaru pada Khamis lalu mengakibatkan pengguna lalu lintas turut berdepan kesukaran berikutan laluan berkenaan

dinaiki air.

"Kami harap masalah itu mendapat perhatian serius daripada pihak berwajib dengan melaksanakan projek naik taraf sistem saliran," katanya.